

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Friday, February 24, 2017 9:12 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM  
**Subject:** UUM Dan Yayasan Muhibah Perkukuh Hubungan Universiti-Industri



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**



24 FEBRUARI 2017 / 27 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiniana Shafiee

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

### UUM DAN YAYASAN MUHIBAH PERKUKUH HUBUNGAN UNIVERSITI-INDUSTRI



**UUM ONLINE:** Mengukuhkan lagi hubungan antara universiti dan industri, UUM telah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng di Balai Tamu, semalam.

UUM diwakili Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak dan Yayasan Muhibah diwakili Pengerusinya, Tan Sri Dato' Paduka Dr Fng Ah Seng.

MoA tersebut adalah selaras dengan kehendak kerajaan dan universiti yang mahu pusat pengajian mengadakan kerjasama strategik dengan organisasi luar atau pihak industri.

Naib Canselor berkata, industri, universiti dan masyarakat merupakan pemain penting yang akan menentukan kejayaan kepada organisasi, universiti dan negara.

Menurutnya, universiti sahaja bekerja kuat untuk membangunkan negara tanpa penglibatan industri dan masyarakat masih tidak boleh memajukan negara.

Katanya, beliau tidak mahu universiti terpisah daripada pihak industri dan saling memahami hubungan penting antara kedua pihak.

"Jika universiti tidak terlibat dengan industri adalah menjadi satu kerugian sebab tidak dapat manfaat industri dalam mendidik pemimpin masa hadapan.

"Justeru, kerjasama ini memberi makna yang besar kepada UUM dan kita harus melibatkan lebih banyak dengan pihak industri, tambahan program pengajian di UUM lebih menumpukan pada perniagaan dan pengurusan," katanya.

Tambah beliau lagi, dengan adanya juga kerjasama industri itu, universiti mahu pelajar didedahkan dengan pengalaman terkini yang dihadapi pihak industri, malah kerajaan juga mahu 30 peratus ahli akademik sekarang mempunyai pengalaman industri.

Menurutnya, MoA itu diharap akan mengukuhkan lagi kerjasama antara UUM dan Yayasan Muhibah, seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak.

Sementara itu, Tan Sri Dr Fng Ah Seng berkata, sejajar dengan objektif penubuhan Yayasan Muhibah untuk memberi sumbangan kepada masyarakat, kerjasama rapat dengan UUM adalah satu langkah tepat.

Ujarnya, Yayasan Muhibah menjadi platform kepadanya untuk mengambil bahagian dalam program anjuran UUM dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pendidikan tinggi Malaysia ke arah melahirkan pemimpin negara yang berkaliber pada masa hadapan.

"Salah satu objektif MOA ini adalah untuk menaik taraf kualiti prasarana di UUM, seterusnya meningkatkan kualiti pembelajaran yang akan memberi impak besar kepada pelajar dan masyarakat.

"Dengan terlaksananya MOA ini, langkah Yayasan Muhibah akan menjadi lebih jauh dan adalah tinggi harapan saya sekiranya manfaat ini dapat dikongsi dengan kelompok masyarakat yang lebih besar," katanya yang juga Pengerusi dan CEO EPIC Valley Sdn Bhd.

Beliau berkata, hubungan baik antara TISSA dan Yayasan Muhibah telah mencetuskan idea untuk bekerjasama sejak 2015 dan ia telah menjadi satu kenyataan dengan termeterainya MoA itu yang bakal memperlihatkan lebih banyak kerjasama dapat dijalankan pada masa akan datang.

Tambahnya lagi, selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat penglibatan sektor korporat dalam membantu meningkatkan tahap pendidikan nasional, Yayasan Muhibah telah menyahut cabaran tersebut dengan menyalurkan dana bagi membiayai program-program dan seterusnya merangsang pertumbuhan UUM.

"Saya berharap Yayasan Muhibah dapat menyumbang terus kepada pembangunan UUM yang lebih berdaya saing dan seterusnya merealisasikan hasrat UUM untuk menjadi universiti terkemuka di persada dunia.

"Dengan kepakaran yang dimiliki ahli akademik UUM bersama-sama dengan dana yang disumbangkan oleh Yayasan Muhibah ini, saya yakin UUM mampu mencapai kecemerlangan yang lebih jauh kerana ia mampu menjana pelbagai peluang melalui kerjasama yang dijalinan," katanya.

Majlis menandatangani MoA itu telah disaksikan Dekan TISSA, Prof Dr Ayoib Che Ahmad dan pegawai-pegawai kanan UUM serta Yayasan Muhibah.

**DARIPADA:**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**  
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061  
☎ 04-928 3053  
✉ [ukkuum@uum.edu.my](mailto:ukkuum@uum.edu.my)  
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.